

16/02/2001

Syed Hamid beri amaran kepada Malott

KUALA LUMPUR, Khamis - Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar mengingatkan bekas Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, John Malott, supaya tidak mengadu-dumba politik negara ini semata-mata untuk memenuhi kepentingan peribadinya.

Syed Hamid berkata, Malott sering mengaburi kebenaran mengenai Malaysia di mata dunia kerana kesetiaannya kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya tidak mempersoalkan kesetiaan orang. Dia sayang dan setia pada Anwar, itu hak dia, tapi jangan dalam kesetiaan itu, dia cuba mengaburi kebenaran dan mengatakan sesuatu yang tidak betul dan berasas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas surat Malott kepada Washington Post baru-baru ini yang mendakwa doktor-doktor Malaysia diarah supaya tidak memberi rawatan secukupnya kepada Anwar.

Malott dipetik sebagai berkata: "Perkara yang perlu diambil berat ialah Anwar adalah musuh politik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Jadi, adakah sesiapa dapat memastikan pembedahan di Malaysia... tiada risiko?"

Beliau turut menghina kepakaran doktor tempatan dengan mengatakan bahawa kakitangan Kedutaan Amerika Syarikat di sini yang mempunyai masalah kesihatan yang serius, perlu dihantar ke Singapura kerana Malaysia bukan satu tempat yang baik.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Buku "Mandat UNESCO dan Cabaran Globalisasi" karya Dr Hussein Ahmad di sini, hari ini, Syed Hamid berkata, Malott gagal memainkan peranannya sebagai seorang diplomat kerana membawa soal peribadi dalam hubungan dua hala Malaysia dan Amerika.

"Tugas duta adalah untuk menyumbang ke arah membentuk satu hubungan yang baik tetapi semasa dia bertugas di sini pun, dia gagal memainkan peranannya sebagai seorang diplomat," katanya.

Ditanya sama ada Wisma Putra akan mengemukakan bantahan kepada Kedutaan Amerika, Syed Hamid berkata:

"Saya tidak akan memberi maklum balas kerana duta kita di sana sudah menjawabnya. Saya rasa kalau kita sentiasa nak jawab kepada orang yang tidak wajar dan tidak bijak ini, kita akan buang masa. Banyak lagi kerja yang dapat membantu memperbaiki imej negara."

Dalam maklum balas kepada surat Malott itu, Duta Malaysia ke Amerika, Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid menjawab cadangan Malott sebagai "sesuatu yang menghina reputasi baik kerjaya perubatan."

(END)